

Headline	Banjir semakin memburuk		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	1,2,72
ArticleSize	1535 cm ²	Journalist	Oleh HAFIZ
PR Value	RM 40,038		



Banjir semakin memburuk



KEADAAN banjir semakin memburuk apabila dua lagi negeri iaitu Kelantan dan Melaka turut dilanda banjir sekali gus menyaksikan 33,949 orang mangsa banjir dipindahkan semalam berbanding 19,000 orang kelmarin.

Jumlah mangsa yang dipindahkan dijangka terus meningkat hari ini berikutan Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan lebat peringkat jingga dijangka melanda Kelantan, Terengganu dan Pahang hari ini.

Di Pahang, lebih 60,000 rumah dan premis terjejas apabila Tenaga Nasional Berhad terpaksa memutuskan bekalan elektrik setelah 1,072 pencawang TNB di negeri itu ditutup akibat dinaiki air.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan




Banjir

- ▣ 33,949 penduduk dipindahkan di lima negeri
- ▣ 1,072 pencawang TNB ditenggelami air di Pahang

Yaakob pula terpaksa mendapatkan kebenaran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menempatkan mangsa banjir di negeri itu di Kem Batu 10 dan pangkalan Pasukan Gerakan Am di Galing, Kuantan.

▶ BERITA DI MUKA 2 & 3

Headline	Banjir semakin memburuk		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	1,2,72
ArticleSize	1535 cm ²	Journalist	Oleh HAFIZ
PR Value	RM 40,038		



GAMBAR IHSAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT



HELIKOPTER Tentera Udara Diraja Malaysia meninjau keadaan banjir di sekitar Kuantan. - Gambar ihsan TUDM



- 1 GAMBAR pemandangan dari udara kawasan yang ditenggelami banjir di Kuantan.
- 2 BEGINILAH kesesakan Jalan Kuantan-Gambang yang dilanda banjir menyebabkan hanya satu lorong boleh digunakan.
- 3 SEBUAH lori yang ditenggelami air akibat banjir buruk di Kuantan.
- 4 DUA buah lori meredah banjir di bandar Chukai, Terengganu semalam
- 5 SEORANG warga emas, Ismail Abdullah bersampun di depan rumahnya yang dinaiki air di Kuala Krai, Kelantan semalam.

Headline	Banjir semakin memburuk		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	1,2,72
ArticleSize	1535 cm ²	Journalist	Oleh HAFIZ
PR Value	RM 40,038		

Banjir landa lima negeri

Hampir 34,000 mangsa banjir dipindah, kerugian jutaan ringgit

Oleh HAFIZ ABBAS dan MAZLINA ABDUL MAJID

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di negara ini semakin buruk apabila dua lagi negeri iaitu Kelantan dan Melaka turut dilanda bencana tersebut sekali gus menyaksikan jumlah keseluruhan mangsa yang dipindahkan meningkat kepada 33,949 orang berbanding sekitar 19,000 orang kelmarin.

Banjir besar turut mengakibatkan penduduk di negeri-negeri terbabit mengalami kerugian juta ringgit apabila ribuan rumah dan ratusan kenderaan ditenggelami air manakala barangan mengalami kerosakan.

Di **Pahang**, bilangan mangsa banjir di negeri itu di enam daerah yang dipindahkan ke 98 buah pusat pemindahan banjir meningkat daripada 9,030 orang kelmarin kepada 19,750 orang semalam.

Menurut Jurucakap Pusat Kawalan Operasi Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, daerah Kuantan mencatatkan mangsa teramai iaitu

12,007 orang daripada 2,959 keluarga.

"Di Rompin pula sebanyak 3,982 mangsa daripada 1,048 keluarga ditempatkan di 13 pusat pemindahan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, bagi daerah Pekan, seramai 2,750 mangsa telah dipindahkan manakala Maran seramai 1,005 mangsa.

Di **Johor**, jumlah mangsa banjir di enam daerah di negeri itu turut meningkat dengan sebanyak 8,250 orang berada di pusat pemindahan.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara (MKN), sehingga pukul 4 petang, sebanyak 5,694 orang berada di pusat pemindahan di Mersing, Segamat (1,081), Kluang (975), Kota Tinggi (212), Muar (217) dan Batu Pahat (71).

Di **Terengganu**, sejumlah 1,443 orang lagi mangsa dipindahkan di kawasan terjejas banjir di Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu petang semalam menjadikan kesemua 4,929 orang ditempatkan di pusat pemindahan.

Menurut portal MKN, mangsa yang baru dipindah-

kan di Kemaman sebanyak 481 orang, Dungun (294) dan Hulu Terengganu (668). Jumlah keluarga yang terlibat sebanyak 1,275.

Banjir turut merebak ke **Kelantan** sekali gus menyaksikan seramai 538 orang di jajahan Kuala Krai dipindahkan ke pusat pemindahan petang semalam.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, sehingga pukul 4 petang semalam, kesemua mangsa daripada 98 keluarga itu yang tinggal di Mengkebang dan Olak Jeram dipindahkan ke lima pusat pemindahan.

la berikutan kenaikan paras air Sungai Lebir dan Sungai Kelantan sehingga melimpah ke daratan.

Di **Melaka**, sejumlah 25 mangsa di Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu, Sungai Rambai, Jasin apabila air Sungai Kesang melimpah dan memasuki rumah mereka.



SEBAHAGIAN penduduk meredah banjir dengan membawa barang masing-masing ke pusat pemindahan di Kampung Bukit Mentok, Kemaman, Terengganu semalam.